



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,  
KELUARGA DAN MASYARAKAT

# LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

Assalamualaikum wbt dan Salam Sejahtera,

YB Menteri/ YB Timbalan Menteri /YBhg. Datuk Dr./ YBhg. Datuk /YBhg. Dato'/YBrs. Dr./Tuan/Puan, pemantauan media KPWKM pada 21 Oktober 2024.

**Disediakan oleh,  
Unit Komunikasi Korporat  
Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat**

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
1.	<b>Nancy Gesa Wanita Jalani Ujian Mammogram</b> <a href="https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2024/10/1313737/nancy-gesa-wanita-jalani-ujian-mamogram">https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2024/10/1313737/nancy-gesa-wanita-jalani-ujian-mamogram</a> <a href="https://www.tvsarawak.my/2024/10/21/nancy-seru-wanita-jalani-ujian-mamogram/">https://www.tvsarawak.my/2024/10/21/nancy-seru-wanita-jalani-ujian-mamogram/</a> <a href="https://www.bernama.com/tv/news.php?id=2354377">https://www.bernama.com/tv/news.php?id=2354377</a> <a href="https://www.nst.com.my/news/nation/2024/10/1122842/nancy-highlights-importance-mammogram-screening-women">https://www.nst.com.my/news/nation/2024/10/1122842/nancy-highlights-importance-mammogram-screening-women</a> <a href="https://www.sinarharian.com.my/article/692130/berita/nasional/71-peratus-wanita-40-tahun-ke-atas-tak-pernah-buat-mamogram">https://www.sinarharian.com.my/article/692130/berita/nasional/71-peratus-wanita-40-tahun-ke-atas-tak-pernah-buat-mamogram</a> <a href="https://www.edisi9.com.my/2024/10/71-peratus-wanita-40-ke-atas-tidak-lakukan-ujian-mamogram/">https://www.edisi9.com.my/2024/10/71-peratus-wanita-40-ke-atas-tidak-lakukan-ujian-mamogram/</a> <a href="https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2024/10/1146660/wanita-digalak-jalani-ujian-mamogram">https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2024/10/1146660/wanita-digalak-jalani-ujian-mamogram</a> <a href="https://thesun.my/malaysia-news/women-urged-to-undergo-mammogram-screening-HE13173859">https://thesun.my/malaysia-news/women-urged-to-undergo-mammogram-screening-HE13173859</a> <a href="https://www.bernama.com/bm/am/news.php?id=2354370">https://www.bernama.com/bm/am/news.php?id=2354370</a> <a href="https://www.astroawani.com/berita-malaysia/nancy-seru-wanita-jalani-ujian-mamogram-492656">https://www.astroawani.com/berita-malaysia/nancy-seru-wanita-jalani-ujian-mamogram-492656</a>	Berita Harian TV Sarawak Bernama NST Sinar Harian Edisi 9 Harian Metro The Sun Bernama Astro Awani	Neutral

2.	<p><b>Op Global: Kanak-Kanak Belum Dipulangkan Kepada Ibu Bapa, Dikhuatiri Berebut Hak Jagaan</b></p> <p><a href="https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2024/10/1313694/op-global-kanak-kanak-belum-dipulangkan-kepada-ibu-bapa-dikhuatiri">https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2024/10/1313694/op-global-kanak-kanak-belum-dipulangkan-kepada-ibu-bapa-dikhuatiri</a></p> <p><a href="https://www.utusan.com.my/nasional/2024/10/tuntut-anak-anak-ibu-dan-bapa-perlu-ditemu-bual-nancy/#google_vignette">https://www.utusan.com.my/nasional/2024/10/tuntut-anak-anak-ibu-dan-bapa-perlu-ditemu-bual-nancy/#google_vignette</a></p> <p><a href="https://www.buletintv3.my/nasional/gisbh-kanak-kanak-belum-dipulangkan-kepada-ibu-bapa-dikhuatiri-berlaku-perebutan-hak-jagaan-nancy/#google_vignette">https://www.buletintv3.my/nasional/gisbh-kanak-kanak-belum-dipulangkan-kepada-ibu-bapa-dikhuatiri-berlaku-perebutan-hak-jagaan-nancy/#google_vignette</a></p> <p><a href="https://malaysiagazette.com/2024/10/20/gisbh-ibu-dan-bapa-rebut-hak-penjagaan-kanak-kanak-yang-diselamatkan/#google_vignette">https://malaysiagazette.com/2024/10/20/gisbh-ibu-dan-bapa-rebut-hak-penjagaan-kanak-kanak-yang-diselamatkan/#google_vignette</a></p> <p><a href="https://www.mediamulia.com.my/tuntut-anak-anak-ibu-dan-bapa-perlu-ditemu-bual-nancy/?doing_wp_cron=1729469495.7444279193878173828125">https://www.mediamulia.com.my/tuntut-anak-anak-ibu-dan-bapa-perlu-ditemu-bual-nancy/?doing_wp_cron=1729469495.7444279193878173828125</a></p> <p><a href="https://www.freemalaysiatoday.com/category/bahasa/tempatan/2024/10/20/kerajaan-waspada-waris-berebut-hak-jagaan-anak-terkait-gisbh/">https://www.freemalaysiatoday.com/category/bahasa/tempatan/2024/10/20/kerajaan-waspada-waris-berebut-hak-jagaan-anak-terkait-gisbh/</a></p>	<p>Berita Harian</p> <p>Utusan</p> <p>Buletin TV3</p> <p>Malaysia Gazette</p> <p>Media Mulia</p> <p>FMT</p>	Neutral
3.	<p><b>Ministry Welcomes Requests For Funds To Curb Gender Violence, Says Nancy</b></p> <p><a href="https://www.freemalaysiatoday.com/category/nation/2024/10/20/ministry-welcomes-requests-for-funds-to-curb-gender-violence-says-nancy/">https://www.freemalaysiatoday.com/category/nation/2024/10/20/ministry-welcomes-requests-for-funds-to-curb-gender-violence-says-nancy/</a></p>	FMT	Neutral
4.	<p><b>Belanjawan 2025 Mesra Warga Emas Bagi Menghadapi Negara Menua – Noraini</b></p> <p><a href="https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2024/10/1313675/belanjawan-2025-mesra-warga-emas-bagi-menghadapi-negara-menua">https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2024/10/1313675/belanjawan-2025-mesra-warga-emas-bagi-menghadapi-negara-menua</a></p>	Berita Harian	Neutral

	<a href="https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2024/10/1146604/lebih-banyak-program-untuk-warga-emas-bakal-dilaksana">https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2024/10/1146604/lebih-banyak-program-untuk-warga-emas-bakal-dilaksana</a>  <a href="https://www.thestar.com.my/news/nation/2024/10/21/budget-2025-covers--oku-and-elderly-folks-says-noraini">https://www.thestar.com.my/news/nation/2024/10/21/budget-2025-covers--oku-and-elderly-folks-says-noraini</a>  <a href="https://www.thestar.com.my/news/nation/2024/10/20/budget-2025-can-be-seen-as-oku-elderly-friendly-says-deputy-minister">https://www.thestar.com.my/news/nation/2024/10/20/budget-2025-can-be-seen-as-oku-elderly-friendly-says-deputy-minister</a>  <a href="https://www.youtube.com/watch?v=AegySDrnr3Q">https://www.youtube.com/watch?v=AegySDrnr3Q</a>	<p>Harian Metro</p> <p>The Star</p> <p>The Star</p> <p>Bernamea TV</p>	
5.	<p><b>Rumah Terbakar, Lima Sekeluarga Tinggal Sehelai Sepinggang</b></p> <p><a href="https://www.sinarharian.com.my/article/692131/edisi/johor/ru-mah-terbakar-lima-sekeluarga-tinggal-sehelai-sepinggang">https://www.sinarharian.com.my/article/692131/edisi/johor/ru-mah-terbakar-lima-sekeluarga-tinggal-sehelai-sepinggang</a></p>	<p>Sinar Harian</p>	Neutral
6.	<p><b>NGO, Expert Ask For Strict Enforcing Of Laws For Children's Welfare</b></p> <p><a href="https://www.thestar.com.my/metro/metro-news/2024/10/21/ngo-expert-ask-for-strict-enforcing-of-laws-for-childrens-welfare">https://www.thestar.com.my/metro/metro-news/2024/10/21/ngo-expert-ask-for-strict-enforcing-of-laws-for-childrens-welfare</a></p>	<p>The Star</p>	Neutral
7.	<p><b>Mangsa Banjir Di Selangor, Kedah, Perlis Bertambah</b></p> <p><a href="https://www.bharian.com.my/amp/berita/nasional/2024/10/13/13474/mangsa-banjir-di-selangor-kedah-perlis-bertambah">https://www.bharian.com.my/amp/berita/nasional/2024/10/13/13474/mangsa-banjir-di-selangor-kedah-perlis-bertambah</a></p> <p><a href="https://www.astroawani.com/berita-malaysia/mangsa-banjir-di-selangor-kedah-dan-perlis-meningkat-pahang-dan-perak-menurun-492574">https://www.astroawani.com/berita-malaysia/mangsa-banjir-di-selangor-kedah-dan-perlis-meningkat-pahang-dan-perak-menurun-492574</a></p> <p><a href="https://malaysiapost.com.my/2024/10/20/mangsa-banjir-di-selangor-kedah-perlis-meningkat/">https://malaysiapost.com.my/2024/10/20/mangsa-banjir-di-selangor-kedah-perlis-meningkat/</a></p> <p><a href="https://www.bernama.com/misc/rss/news.php?id=2354112">https://www.bernama.com/misc/rss/news.php?id=2354112</a></p> <p><a href="https://www.bernama.com/radio/news.php?id=2354120">https://www.bernama.com/radio/news.php?id=2354120</a></p> <p><a href="https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2024/10/1146432/man-gsa-banjir-di-selangor-kedah-perlis-meningkat">https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2024/10/1146432/man-gsa-banjir-di-selangor-kedah-perlis-meningkat</a></p>	<p>Berita Harian</p> <p>Astro Awani</p> <p>Malaysia Post</p> <p>Bernamea</p> <p>Bernamea</p> <p>Harian Metro</p>	Neutral

	<a href="https://www.kosmo.com.my/2024/10/20/banjir-di-lima-negeri-libatkan-1430-mangsa/">https://www.kosmo.com.my/2024/10/20/banjir-di-lima-negeri-libatkan-1430-mangsa/</a>	Kosmo	
8.	<p><b>20,000 Pesalah Layak Dipertimbang Untuk Hukuman Tahanan Di Rumah - Saifuddin Nasution</b></p> <p><a href="https://www.astroawani.com/berita-malaysia/20000-pesalah-layak-dipertimbang-untuk-hukuman-tahanan-di-rumah---saifuddin-nasution-492642">https://www.astroawani.com/berita-malaysia/20000-pesalah-layak-dipertimbang-untuk-hukuman-tahanan-di-rumah---saifuddin-nasution-492642</a></p> <p><a href="https://www.bharian.com.my/amp/berita/nasional/2024/10/13/13689/akta-hukuman-tahanan-di-rumah-sasar-20000-pesalah-kali-pertama">https://www.bharian.com.my/amp/berita/nasional/2024/10/13/13689/akta-hukuman-tahanan-di-rumah-sasar-20000-pesalah-kali-pertama</a></p> <p><a href="https://www.kosmo.com.my/2024/10/20/wanita-hamil-oku-kategori-layak-di-bawah-akta-tahanan-rumah/">https://www.kosmo.com.my/2024/10/20/wanita-hamil-oku-kategori-layak-di-bawah-akta-tahanan-rumah/</a></p> <p><a href="https://www.bernama.com/radio/news.php?id=2354312">https://www.bernama.com/radio/news.php?id=2354312</a></p> <p><a href="https://www.malaysiakini.com/news/723322">https://www.malaysiakini.com/news/723322</a></p> <p><a href="https://www.freemalaysiatoday.com/category/bahasa/tempatan/2024/10/20/ibu-hamil-warga-emas-oku-layak-dipertimbang-untuk-hukuman-tahanan-di-rumah/">https://www.freemalaysiatoday.com/category/bahasa/tempatan/2024/10/20/ibu-hamil-warga-emas-oku-layak-dipertimbang-untuk-hukuman-tahanan-di-rumah/</a></p> <p><a href="https://thesun.my/cerita/berita/20000-pesalah-layak-dipertimbang-untuk-hukuman-tahanan-di-rumah-saifuddin-nasution-CE13172330">https://thesun.my/cerita/berita/20000-pesalah-layak-dipertimbang-untuk-hukuman-tahanan-di-rumah-saifuddin-nasution-CE13172330</a></p> <p><a href="https://malaysiapost.com.my/2024/10/20/kdn-sasar-lebih-20000-banduan-jalani-hukuman-di-rumah/">https://malaysiapost.com.my/2024/10/20/kdn-sasar-lebih-20000-banduan-jalani-hukuman-di-rumah/</a></p> <p><a href="https://malaysiatribune.news/2024/10/20/20000-dianggap-layak-jalani-tahanan-dalam-rumah/">https://malaysiatribune.news/2024/10/20/20000-dianggap-layak-jalani-tahanan-dalam-rumah/</a></p> <p><a href="https://themalaysiapress.com/hampir-20000-pesalah-bakal-dipertimbang-hukuman-tahanan-rumah/">https://themalaysiapress.com/hampir-20000-pesalah-bakal-dipertimbang-hukuman-tahanan-rumah/</a></p> <p><a href="https://selangorkini.my/2024/10/20000-pesalah-layak-dipertimbang-jalani-hukuman-tahanan-di-rumah/">https://selangorkini.my/2024/10/20000-pesalah-layak-dipertimbang-jalani-hukuman-tahanan-di-rumah/</a></p>	<p>Astro Awani</p> <p>Berita Harian</p> <p>Kosmo</p> <p>Bernama</p> <p>Malaysia Kini</p> <p>FMT</p> <p>The Sun</p> <p>Malaysia Post</p> <p>Malaysia Tribune</p> <p>The Malaysia Press</p> <p>Selangor Kini</p>	Neutral

9.	<p><b>Hilang 38 Hari, Gadis OKU Ditemui Ketika Cari Kerja</b></p> <p><a href="https://www.kosmo.com.my/2024/10/20/hilang-38-hari-gadis-oku-ditemui-ketika-cari-kerja/">https://www.kosmo.com.my/2024/10/20/hilang-38-hari-gadis-oku-ditemui-ketika-cari-kerja/</a></p>	Kosmo	Neutral
----	--	-------	---------

# LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

## NANCY GESA WANITA JALANI UJIAN MAMMOGRAM



Datuk Seri Nancy Shukri. - Foti BERNAMA

KUALA LUMPUR, 20 Okt (Bernama) – Kaum wanita diseru supaya lebih peka dan sedar kepentingan penjagaan kesihatan terutamanya berkaitan payudara dengan melakukan pemeriksaan berkala bagi pengesanan awal kanser melalui saringan ujian mamogram.

Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat Datuk Seri Nancy Shukri berkata langkah itu bagi membolehkan penyakit berkenaan dirawat awal dengan lebih berkesan sekali gus meningkatkan kadar kelangsungan hidup mereka.

"Statistik Laporan Daftar Kanser Kebangsaan Malaysia bagi 2017-2021 turut merekodkan 50.5 peratus wanita yang menghidapi kanser payudara dikesan pada tahap tiga dan empat meningkat berbanding pada 2012-2016 sebanyak 48 peratus," katanya menerusi kenyataan yang dikeluarkan Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWK) hari ini.

Nancy berkata demikian ketika menyempurnakan Majlis Kesedaran Kanser Payudara: Body Perfect's the Power of Pink 2024 anjuran Body Perfect yang diadakan setiap tahun sebagai tanda sokongan kepada Persatuan Kebajikan Kanser Payudara Malaysia (BCWA).

Menyedari tahap kesedaran wanita yang masih rendah berkaitan kesihatan payudara, kenyataan itu memaklumkan KPWKM melalui Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara (LPPKN) terus mempergiat kempen kesedaran dan pengesanan awal kanser payudara.

– LAGI

## NANCY-SARINGAN 2 (AKHIR) KUALA LUMPUR

Kesedaran rendah itu dibuktikan melalui dapatan Tinjauan Kesihatan Kebangsaan dan Morbiditi 2023 yang menunjukkan 71 peratus atau tiga daripada empat wanita berumur 40 tahun ke atas tidak pernah melakukan saringan ujian mamogram dan 46 peratus wanita berumur 18 tahun ke atas tidak melakukan pemeriksaan sendiri payudara.

Bagi ujian pap smear pula, sebanyak 65 peratus wanita berumur 20 tahun dan ke atas tidak melakukan ujian terbabit, menurut kenyataan itu.

Selain itu, kerajaan telah menyediakan subsidi ujian mamogram secara percuma kepada wanita yang layak dan pendaftaran bagi mendapatkan inisiatif ini boleh diakses melalui 50 Klinik Nur Sejahtera LPPKN di seluruh negara.

Menurut kenyataan itu, KPWKM melalui LPPKN turut melaksanakan Kempen Kesedaran Kanser Reproktif Wanita (WCaRe) bagi mempromosikan saringan awal kanser melalui Program Subsidi Ujian Mamogram serta Program Saringan Kanser Serviks (HPV DNA).

## **OP GLOBAL: KANAK-KANAK BELUM DIPULANGKAN KEPADA IBU BAPA, DIKHUATIRI BEREBut HAK JAGAAN**



Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat Datuk Seri Nancy Shukri. - Foto BERNAMA

KUALA LUMPUR: Kanak-kanak yang diselamatkan dalam Op Global membabitkan GISB Holdings (GISBH) masih belum dipulangkan kepada ibu bapa mereka kerana dikhuatiri berlaku kes perebutan hak jagaan.

Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Nancy Shukri, berkata pihaknya perlu lebih berhati-hati kerana bagi sesetengah kes, terdapat permohonan yang dilakukan ibu kanak-kanak tetapi bapa juga membuat permohonan.

"Jika diberi (hak jagaan) kepada bapa, tetapi emaknya juga menuntut, kami yang salah. Ada temu duga perlu dilakukan. Saya harap orang ramai faham apabila anak-anak ini diselamatkan, ia bukan diambil daripada ibu bapa jadi kita yang memegang amanah untuk menjaga anak-anak ini perlu menjalankan tugas dengan betul mengikut lunas undang-undang.

"Kita perlu melakukan siasatan supaya anak diserahkan kepada ibu bapa yang sebenar. Takut ada kes yang bapa berkahwin lebih daripada satu. Kalau bapanya ambil kita takut isterinya yang lain menjaga (anak). Jadi proses ini kami perlu lakukan dengan teliti," katanya kepada media selepas menyempurnakan Majlis Kesedaran Kanser Payudara: Body Perfect's the Power of Pink 2024 di sini, hari ini.

Nancy berkata beliau juga mahu mempercepatkan kes ini dengan membuat permohonan terus kepada mahkamah tetapi perkara ini tidak mudah untuk diselesaikan.

Beliau turut mengingatkan ibu bapa kanak-kanak apabila dihubungi oleh JKM untuk ditemuduga, jangan pula kata bahawa JKM tidak pernah menghubungi mereka.

"Kita mahu serahkan anak ini kepada yang berhak. Sesetengahnya sudah tidak lagi bersama. Kita perlu ada kesangsian supaya kita dapat jalankan tugas dengan betul untuk keselamatan anak-anak," katanya.

Katanya, setakat ini, terdapat satu kes membabitkan perebutan hak jagaan.

Terdahulu, BH melaporkan Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) menerima 96 permohonan daripada ibu bapa yang mahu menuntut lebih 200 kanak-kanak yang diselamatkan dalam Op Global membabitkan GISBH.

Nancy berkata ketika ini semua permohonan sudah diteliti dan pihaknya dalam proses untuk memohon kepada mahkamah untuk mengembalikan mereka kepada ibu bapa.

"Apa yang kita lakukan adalah menjalankan penelitian dulu mungkin ada yang betul-betul ibu kerana ada juga yang berapa peratus itu anak tidak pernah melihat ibu mereka.

"Sebab itu kami perlu pastikan mereka yang menuntut itu adalah ibu dan kalau betul tidak ada apa-apa halangan, kita dalam proses sekarang ini memohon kepada mahkamah untuk kembalikan mereka," katanya.

Dalam pada itu mengulas mengenai dakwaan terdapat kekurangan peruntukan daripada Belanjawan 2025 untuk pusat perlindungan bagi individu yang terselamat daripada penderaan dan keganasan domestik, Nancy berkata, bahawa pihaknya sudah ada pusat perlindungan dan telah bekerjasama dengan beberapa badan bukan kerajaan.

"Kadang kala bukan semua perkara dinyatakan secara jelas di dalam belanjawan tetapi kami telah lakukan perkara ini dan tiada isu. Setakat ini tiada isu mengenai kekurangan peruntukkan, ia bergantung kepada cara ia diuruskan.

"Selain itu, dalam kes membabitkan penderaan dan keganasan, tempat tinggal mangsa tidak sepatutnya didedahkan supaya orang yang melakukan penderaan kepada mereka tidak tahu keberadaan mereka," katanya.

## **BELANJAWAN 2025 MESRA WARGA EMAS BAGI MENGHADAPI NEGARA MENUA – NORAINI**



Noraini (tengah) bersama wakil-wakil institut pengajian tinggi yang menyertai Program Toleransi Sifar Keganasan@Advokasi Anti Gangguan Keganasan Seksual Zon Selatan di Pusat Konvensyen Hab Pendidikan Tinggi Pagoh, di sini hari ini. - Foto BERNAMA

MUAR: Belanjawan 2025 yang dibentang Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim, kelmarin lepas dilihat lebih mesra warga emas, sebagai persiapan ke arah menghadapi negara menua pada 2030, kata Timbalan Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat Datuk Seri Dr Noraini Ahmad.

Beliau berkata peruntukan RM3.64 bilion untuk Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) dalam belanjawan berkenaan, membolehkan banyak program kepada warga emas dilaksanakan termasuk berkaitan aktiviti sosioekonomi dan penambahbaikan pusat aktiviti warga emas (PAWE).

"Belanjawan 2025 juga mesra kepada Orang Kurang Upaya (OKU), dengan pertambahan peruntukan yang diharap membantu golongan itu meneruskan kehidupan selain peruntukan kepada Pusat Sokongan Sosial Setempat (PSSS)," katanya selepas merasmikan Program Toleransi Sifar Keganasan@Advokasi Antigangguan Keganasan Seksual Zon Selatan di Pusat Konvensyen Hab Pendidikan Tinggi, Pagoh di sini hari ini.

Berkaitan program hari ini, Noraini berkata inisiatif berkenaan, usaha KPWKM dalam menangani gangguan seksual di institusi pengajian tinggi (IPT), dengan golongan pelajar bakal digerakkan sebagai ejen dalam komuniti bagi membanteras jenayah itu.

"Antara pengisian program kali ini ialah slot Advokasi Antigangguan Seksual oleh Jabatan Pembangunan Wanita (JPW), Kenali Tribunal Antigangguan Seksual oleh Tribunal Bagi Antigangguan Seksual (TAGS) dan ceramah Jauhi Buli Siber oleh Cybersecurity Malaysia.

"Turut berlangsung Bual Bicara Bersama YB Timbalan Menteri KPWKM dan acara menandatangani mural yang merupakan simbolik kepada komitmen dan sokongan semua pihak dalam menangani gangguan seksual," katanya.

Noraini berkata program ini juga memberikan pendedahan pengoperasian TAGS dan menyebarkan pemakaian garis panduan serta notis antigangguan seksual kepada semua lapisan masyarakat. – BERNAMA

## **MANGSA BANJIR DI SELANGOR, KEDAH, PERLIS BERTAMBAH**

KUALA LUMPUR: Mangsa banjir di Selangor, Kedah dan Perlis meningkat dengan jumlah keseluruhan yang ditempatkan di 15 pusat pemindahan sementara (PPS) seramai 1,480 orang pagi ini berbanding 2,570 petang semalam.

Bagaimanapun, mangsa banjir di Pahang dan Perak mencatatkan penurunan.

Laporan Info Bencana Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) memaklumkan setakat 9 pagi ini jumlah mangsa banjir di KEDAH meningkat kepada 109 mangsa di satu PPS berbanding 80 orang petang semalam.

Jumlah mangsa banjir di SELANGOR juga bertambah sedikit daripada 152 semalam kepada 160 orang yang berlindung di tiga PPS pagi ini manakala di PERLIS 471 mangsa di dua PPS berbanding 469 orang semalam.

Sementara itu, jumlah mangsa banjir di PAHANG berkurang daripada 363 orang semalam kepada 187 orang dan semuanya ditempatkan di satu PPS di Temerloh

Di PERAK, seramai 553 mangsa banjir masih ditempatkan di lapan PPS berbanding 1,506 mangsa petang semalam melibatkan daerah Kerian, Hilir Perak dan Perak Tengah.

Sementara itu, laman sesawang rasmi <https://publicinfobanjir.water.gov.my/> memaklumkan lapan sungai mencatatkan paras bahaya masing-masing empat di Sarawak, tiga di Selangor dan satu di Melaka. – BERNAMA

## **20,000 PESALAH LAYAK DIPERTIMBANG UNTUK HUKUMAN TAHANAN DI RUMAH - SAIFUDDIN NASUTION**

KLANG: Rang undang-undang (RUU) baharu berkaitan hukuman tahanan di rumah menyasarkan kira-kira 20,000 pesalah kategori tertentu dan layak dipertimbang selepas mereka menjalani proses tapisan, kata Menteri Dalam Negeri Datuk Seri Saifuddin Nasution Ismail.

Beliau berkata rang undang-undang itu antara lain meliputi pesalah pertama yang tidak melakukan kesalahan berat, wanita mengandung, warga emas, dan orang kurang upaya.

"Seperti yang saya katakan, angka yang layak dipertimbang ialah 20,000 orang yang merupakan pesalah pertama.

"Ia juga disasarkan kepada pesalah yang melakukan kesalahan tidak serius, contohnya ibu tunggal dihimpit kemiskinan yang mencuri susu kerana ingin memberi anaknya makan dan dijatuhkan hukuman penjara," katanya selepas merasmikan Mesyuarat Agung Tahunan Parti Keadilan Rakyat Cabang Kota Raja hari ini.

Saifuddin berkata susulan itu, tidak perlu ditimbulkan polemik berkaitan siapa yang layak dipertimbang untuk menjalani hukuman kerana pesalah perlu melepasi beberapa tahap tapisan antaranya memiliki rekod disiplin baik ketika dipenjarakan.

Semalam, Saifuddin Nasution berkata rang undang-undang berkaitan hukuman tahanan di rumah akan dibentangkan pada tahun depan dan Kabinet telah memberikan kelulusan dasar untuk pelaksanaannya.

Pada Jumaat, Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim ketika pembentangan Belanjawan 2025 berkata kerajaan akan menggubal akta baharu bagi membolehkan hukuman tahanan di rumah sebagai alternatif untuk kesalahan tertentu.

Mengikut peruntukan akta itu, pesalah dikehendaki berada di tempat yang dianggap bersesuaian seperti rumah kediaman, rumah jagaan atau asrama pekerja sepanjang tempoh penahanan.

Saifuddin Nasution juga berkata kerajaan sebelum ini telah melaksanakan tiga inisiatif iaitu parol, perintah kehadiran wajib serta pembebasan berlesen di bawah Peraturan Penjara Tahun 2000 dan mendapati kadar residivisme (kembali melakukan kesalahan) adalah rendah.

"Menerusi ketiga-tiga kaedah, bagi setiap 700 pesalah yang kita bebaskan hanya satu patah balik. Residivisme itu satu sahaja," katanya.

Beliau berkata cadangan menggubal rang undang-undang itu dilaksana berikutan kesesakan serius di 43 penjara di seluruh negara yang menimbulkan keadaan tidak kondusif.

"Peratusan kesesakan penjara kini mencecah 11 peratus iaitu 82,000 tahanan berbanding kapasiti ditetapkan iaitu 74,000 orang.

"Oleh itu, kita perlu melakukan sesuatu bagi mengatasinya kerana pesalah dikategorikan kepada dua iaitu mereka yang telah disabitkan bersalah dan tahanan reman," katanya.

Saifuddin Nasution juga berkata akta seumpamanya sudah dilaksanakan di negara seperti Amerika Syarikat, Jerman dan Australia.

Terdahulu, Ahli Jawatankuasa Eksekutif Parti Ikatan Demokratik Malaysia (MUDA) Dobby Chew mempersoal pelaksanaan rang undang-undang tahanan di rumah yang didakwa bertujuan untuk memberi manfaat kepada pihak tertentu.